

Nama Tingkatan

Sekolah



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR

PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2025
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5

Kertas 2

2 jam 30 minit

3756/2

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.*
3. *Tulis jawapan anda dalam **Buku Jawapan** yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada halaman baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan, Angka Giliran, Nama dan Tingkatan pada Buku Jawapan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **11** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

1 (a) Nyatakan prinsip perakaunan yang diamalkan bagi situasi berikut:

- (i) Topaz Energy Bhd. telah membeli sebuah premis berharga RM500 000 pada tahun 2020.
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 November 2024 menunjukkan premis tersebut masih direkodkan pada harga asal walaupun nilainya telah meningkat.
- (ii) Penerimaan bayaran tempahan barang niaga bagi bulan Februari 2025 diambil kira oleh kerani akaun untuk menentukan keuntungan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2024.

[2 markah]

(b) Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga berikut.

Urus niaga	Debit	Kredit
Pemilik membayar sewa kediamannya menggunakan cek perniagaan.		

[2 markah]

(c) Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Warisan Kraf.

	RM
Tunai	500
Overdraf bank	650
Akaun Belum Terima	2 100
Akaun Belum Bayar	1 050
Inventori awal	2 600
Inventori akhir	1 500

Hitung Nisbah Semasa.

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Pencinta Alam.

	1 Januari 2024	31 Disember 2024
Yuran Belum Terima	280	85
Yuran Belum Terperoleh	-	90

Maklumat tambahan:

Yuran ahli sebanyak RM2 985 telah diterima sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Hitung jumlah yuran ahli yang akan dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [2 markah]

- (e) Nyatakan komponen kos pengeluaran bagi urus niaga berikut:

- (i) Belanja penyelenggaraan mesin
 - (ii) Paten
- [2 markah]

- 2 Encik Hariz dan Encik Mukhriz adalah pekongsi dalam Perkongsian Riz Vroom Ventures yang menjual pelbagai jenis kereta, beroperasi di Sepang, Selangor.

Berikut adalah Imbangan Duga dari buku Perkongsian Riz Vroom Ventures pada 31 Disember 2024.

Perkongsian Riz Vroom Ventures
Imbangan Duga pada 31 Disember 2024

	Debit	Kredit
	RM	RM
Untung kasar		81 230
Pinjaman Hariz		20 000
Baki 1 Januari 2024:		
Modal Hariz		50 000
Modal Mukhriz		50 000
Akaun Semasa Hariz		6 000
Akaun Semasa Mukhriz		4 800
Ambilan Hariz (1 Julai 2024)	3 400	
Ambilan Mukhriz (30 Ogos 2024)	4 500	
Inventori alat tulis 1 Januari 2024	190	
Belian alat tulis	280	
Gaji pekerja	10 910	
Utiliti	4 300	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	7 600	6 290
Hutang lapuk	200	
Peruntukan Hutang Ragu		350
Insurans	1 500	
Sewa diterima		14 000
Bank	51 590	
Inventori pada 31 Disember 2024	8 200	
Premis	60 000	
Alatan pejabat	15 000	
Kenderaan	50 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		10 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		1 000
Gaji Hariz	15 000	
Gaji Mukhriz	10 000	
Faedah atas pinjaman	1 000	
	<u>243 670</u>	<u>243 670</u>

Pekongsi telah bersetuju dengan Ikatan Perjanjian Perkongsian berikut:

- (i) Faedah atas ambilan 5% setahun
- (ii) Faedah atas modal 10% setahun
- (iii) Faedah atas pinjaman 8% setahun
- (iv) Gaji Hariz RM1 500 dan gaji Mukhriz RM1 000 setiap bulan
- (v) Untung atau rugi perkongsian dibahagi sama rata antara pekongsi

Maklumat tambahan:

- (i) Insurans dibayar untuk setahun bermula 1 Mac 2024.
- (ii) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.
- (iii) Sebahagian daripada alatan pejabat bernilai RM5 000 dibeli pada 31 Disember 2024.
- (iv) Alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (v) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Sebahagian daripada premis telah disewakan dengan kadar RM1 000 sebulan.
- (vii) Inventori alat tulis pada 31 Disember 2024 ialah RM182.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [9 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [5 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi. [8 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 (bahagian ekuiti pemilik sahaja). [3 markah]

- 3 Puan Bella adalah pemilik Adi Busana Bella yang terletak di Shah Alam, Selangor.
- Beliau menggunakan Buku Tunai dua lajur untuk merekod urus niaga tunai dan bank bagi perniagaannya.

Puan Bella turut menggunakan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar untuk merekod belanja kecil dengan nilai panjar RM200.

Baki pada 28 Februari 2025 adalah seperti berikut:

	RM
Bank	12 700
Tunai	280
Tunai runcit	110

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Mac 2025.

Tarikh	Butiran	No. Cek	Jumlah
2025			RM
Mac 1	Rekupmen dengan cek	122864	<i>Perlu dikira</i>
3	Terima cek daripada Encik Abdul bagi sebahagian kedai yang disewakan		500
5	Terima tunai untuk jualan		430
6	Terima cek daripada Perniagaan Mawar		1 200
8	Beli pen dan kertas A4		18
12	Bayaran kepada Pembekal Nona	122865	1 640
14	Bayaran sampul surat berdaftar		12
15	Terima cek daripada Butik Amira		2 600
17	Belian secara tunai	122866	2 170
21	Terima cek untuk jualan		1 089
23	Bayaran tambang <i>e-hailing</i>		28
25	Bayaran kepada Pembekal Suraya	122867	1 743
27	Terima cek daripada Tiara Enterprise		1 110
29	Bayaran gaji	122868	1 700



Berikut adalah Penyata Bank bagi bulan Mac 2025 yang telah diterima oleh Adi Busana Bella.

PENYATA BANK				
Bank Berjaya Berhad				
No. 3 Bangunan Wawasan				
40150 Shah Alam, Selangor				
Kepada:		Tarikh: 31 Mac 2025		
Adi Busana Bella		No. Akaun: 98654127865129		
Tarikh	Butiran	Debit	Kredit	Baki
2025		RM	RM	RM
Mac 1	Baki			13 200
	Cek No. 122864	90		13 110
2	Cek No. 122863	500		12 610
5	Deposit		500	13 110
8	Deposit		1 200	14 310
14	Cek No. 122865	1 640		12 670
18	Deposit		2 600	15 270
19	Cek No. 122866	2 170		13 100
25	Faedah atas simpanan		90	13 190
29	Caj bank	25		13 165
31	Cek No. 122868	1 700		11 465

Maklumat tambahan:

Cek daripada Tiara Enterprise dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Buku Tunai Runcit bagi bulan Mac 2025 dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya di **Lampiran A**. [6 markah]
- Buku Tunai dua lajur di **Lampiran B**. [12 markah]
- Penyata Penyesuaian Bank bermula dengan baki Buku Tunai (tanpa mengemas kini Buku Tunai). [7 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada perniagaan SMART Enterprise yang menjual peralatan elektrik di Petaling Jaya, Selangor.

SMART Enterprise		
Imbangan Duga pada 31 Disember 2024		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian dan Jualan	26 890	78 630
Kenderaan	80 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		8 000
Inventori pada 1 Januari 2024	6 050	
Akaun Belum Terima	6 700	
Akaun Belum Bayar		5 985
Insurans	3 600	
Gaji	12 000	
Peruntukan Hutang Ragu		250
Utiliti	1 480	
Pulangan belian		470
Modal pada 1 Januari 2024		53 405
Bank	9 170	
Tunai	850	
	<u>146 740</u>	<u>146 740</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2024 bernilai RM5 730 pada harga kos dan RM7 050 pada harga pasaran.
- (ii) Sekeping nota kredit diterima daripada pembekal RM190 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (iii) Insurans tahunan RM3 600 bermula 1 Mac 2024.
- (iv) Pemilik membawa masuk sebuah komputer peribadi RM2 500 untuk kegunaan perniagaan.
- (v) Pemilik mengambil barang niaga untuk tujuan promosi sebanyak RM500 pada bulan Jun 2024 dan RM300 pada bulan Disember 2024.
- (vi) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.
- (vii) Kenderaan disusutnilaikan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [10 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024. [10 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kedai Buku Johan.

	1 Ogos 2024	31 Julai 2025
	RM	RM
Baki Akaun Belum Terima	5 300	6 200
Baki Akaun Belum Bayar	650	260

Berikut adalah maklumat penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2025.

<u>Penerimaan</u>	RM	<u>Pembayaran</u>	RM
Jualan	29 590	Belian	22 350
Akaun Belum Terima	5 410	Akaun Belum Bayar	4 500

Maklumat tambahan:

- (i) Pulangan jualan RM1 650
- (ii) Diskaun diberi RM320
- (iii) Pulangan belian RM230

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [5 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [5 markah]

- (b) Kitaro Berhad mempunyai modal berdaftar terdiri daripada 1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan RM2.00 sesyer dan 500 000 unit Syer Biasa RM1.00 sesyer. Semua syer diterbitkan dan berbayar penuh.

Maklumat berikut menunjukkan keuntungan untuk diagihkan sebagai dividen.

Tahun	Keuntungan RM
2021	160 000
2022	180 000
2023	50 000
2024	350 000

Anda dikehendaki menghitung dividen Syer Keutamaan dan Syer Biasa bagi tahun 2021, 2022, 2023 dan 2024. [10 *markah*]

- 6 Perniagaan Mewangi merupakan sebuah perniagaan yang menghasilkan sabun mandi daripada minyak sawit.

Kos yang terlibat untuk menghasilkan 4 000 buku sabun mandi tersebut adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Upah langsung	3 600
Upah tak langsung	4 000
Kos bahan langsung	2 400
Sewa bangunan kilang	3 000
Kadar bayaran kilang	1 000
Harga jualan	4.00 sebuku

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung:
- (i) Jumlah kos tetap [2 markah]
 - (ii) Jumlah kos berubah [2 markah]
 - (iii) Jumlah kos [2 markah]
 - (iv) Jumlah hasil [2 markah]
 - (v) Margin caruman sebuku sabun mandi [2 markah]
 - (vi) Titik Pulang Modal [2 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan anda di 6(a), lukis graf titik pulang modal pada kertas graf yang disediakan dengan menggunakan skala yang sesuai.
- Anda perlu:**
- (i) labelkan garisan Kos Tetap, Jumlah Kos dan Jumlah Hasil pada graf [3 markah]
 - (ii) tunjukkan Titik Pulang Modal. [1 markah]
 - (iii) lorekkan kawasan untung dan rugi. [2 markah]
- (c) Menghitung keuntungan yang diperoleh sekiranya unit pengeluaran sebanyak 5 000 buku sabun mandi. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT